

SMU bantu keperluan pelajar kurang upaya

PELAJAR kurang upaya boleh mendapatkan lebih banyak sokongan keperluan khas dari Universiti Pengurusan Singapura (SMU).

Pusat pengajian tinggi itu telah merintis usaha mendekati pelajar kurang upaya demi memupuk budaya sekitaran yang lebih inklusif.

Ia juga merancang kursus ijazah baru dalam bidang kepelbagaian, kewarganegaraan sejagat dan bijak budaya, dan beberapa inisiatif bagi menyokong

pelajar kurang upaya.

SMU dengan kerjasama Persatuan Cacat Anggota (SPD) telah menganjurkan satu sidang membincangkan isu inklusiviti dan kepelbagaian semalam. Hadir sebagai tetamu terhormat di acara yang berlangsung di SMU itu ialah Menteri Negara Pendidikan merangkap Perhubungan dan Penerangan, Cik Sim Ann.

Dalam ucapannya, Cik Sim mengalu-alukan usaha SMU membantu

golongan kurang upaya.

“Kementerian Pendidikan juga sedang mempermudah peralihan pelajar kurang upaya ke pusat pengajian tinggi,” kata beliau.

SMU juga telah menandatangani memorandum persefahaman dengan SPD yang akan merintis beberapa projek bersama pada masa depan.

Antaranya ialah membina kesedaran di kalangan pelajar dan memberi sokongan kepada golongan kurang

upaya menerusi teknologi bantuan, laluan perjalanan lebih mudah di kampus dan khidmat pepadanan kerja.

Presiden SMU, Profesor Arnoud De Meyer, berkata: “Masih banyak yang perlu kita pelajari dan kita sedia mempelajarinya dengan merujuk kepada pakar dan menjalankan kajian.

“Semua pelajar atau kakitangan yang layak, tanpa mengira keadaan fizikal, latar belakang sosial, ekonomi atau budaya, perlu diberi peluang.”